

# Kerajaan kaji tindakan terhadap Arqam

B.H U 8 MAY 1993

SHAH ALAM, Jumaat — Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kegiatan pertubuhan al-Arqam yang dikatakan bergerak cergas memperjuangkan cita-cita pemimpinnya menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Kerajaan sedang mencari jalan mengatasinya kerana ia membabitkan ramai orang yang sudah terkeliru dengan dakwah dan ajaran mereka.

"Kita sedang mencari jalan (mengatasinya) kerana ramai orang terkeliru serta percaya kepada al-Arqam dan ajaran mereka.

"Jadi kita tidak mudah mengambil tindakan terhadap orang ramai," kata-

nya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Usra Tampi (M) Sdn Bhd di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai pertubuhan al-Aqram yang bergerak cergas di negara ini didakwa memperjuangkan cita-cita pemimpinnya, Mohamad al-Ashaari, untuk menggulingkan Kerajaan BN.

Kelmarin, Ketua Pengarah Bahagian Hal-Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata pemimpin al-Arqam didapati menggunakan pergerakan berkenaan bagi menubuhkan kerajaan baru di Malaysia.

Zainal Abidin berkata, Ashaari yang kini dikatakan bersembunyi di luar

negara sedang menyusun strategi menggulingkan Kerajaan BN menerusi perjuangan yang dianggap 'perjuangan ghaib.'

Dr Mahathir berkata, kepercayaan al-Aqram kepada Muhammadiyah adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

"Kita tak percaya bahawa ada satu imam yang hidup sepanjang masa. Kepercayaan bahawa ada orang tertentu yang sudah dikenal pasti adalah menyeleweng.

"Di samping itu, al-Arqam ingin menyemaikan kepercayaan bahawa kepemimpinan sesebuah negara mestilah diterajui oleh ulama. Apa yang mereka tafsirkan ulama iaitu diri mereka sendiri. Ini yang mereka nak supaya kepemimpinan mesti ulama." katanya.